

DATA-DATA ANTHROPOMATRIK  
ORANG MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA  
PADA ZAMAN KEGEMILANGAN  
MELAYU MELAKA 1400 - 1500 M

AZHAR BIN MOHAMED

Tesis ini di kemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian dari keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

## KANDUNGAN

	m/s
Halaman Tajuk . . . . .	i
Kandungan . . . . .	ii
Senarai Illustrasi & Jadual. . . . .	v
Senarai Sisipan. . . . .	vi
Prakata . . . . .	vii
Penghargaan . . . . .	ix
Sinopsis . . . . .	x

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 : Pengenalan . . . . .	1
1.2 : Matlamat Kajian . . . . .	3
1.2B : Elemen-elemen Matlamat Kajian . . . . .	4
1.3 : Latarbelakang dan Empirikal Kajian. . . . .	5
1.4 : Hipotesis Kajian . . . . .	7

### BAB 2 : SEJARAH KETURUNAN ORANG MELAYU

2.1 : Pengenalan . . . . .	9
2.2 : Asal Keturunan Orang Melayu . . . . .	11
2.3 : Orang Melayu di Tanah Melayu . . . . .	15
2.4 : Masyarakat Melayu Pada Tahun 1400 - 1500 M.	18
: Nota dan Rujukan . . . . .	23

### BAB 3 : PENGKAJIAN ARTIFAK

3.1 : Pengenalan dan Metod Pengkajian . . . . .	25
3.1B : Konsep Pengagungan (Heroicship) . . . . .	29

## P R A K A T A

Terlebih dahulu di ucapkan syukur ke hadrat ILLAHI kerana dengan keizinannya dapat saya menyiapkan tesis ini tepat pada waktunya.

Hasrat utama yang terlintas di fikiran saya sebaik saja matlamat tesis ini di sahkan oleh Ketua Kursus Jabatan Rekabentuk Industri; Tuan Haji Azali pada awal Ogos 1990 ialah pada satu hari nanti Malaysia akan mempunyai satu data anthropomatrik yang lengkap bagi di gunakan oleh setiap syarikat-syarikat dan institusi-institusi perindustrian di negara ini.

Namun begitu satu titik permulaan tentang data anthropomatrik dan sejarahnya tidak di jalankan oleh mana-mana institusi dan ini berkemungkinan kerana tiadanya bidang pembelajaran yang meluas terhadap anthropomatrik memandangkan hanya para pelajar rekabentuk ataupun senibina yang menggunakan data-data sebegini dalam pembelajaran dan praktikal.

Berdasarkan hasrat inilah maka saya usahakan agar tesis ini benar-benar dapat berfungsi sebagai titik permulaan pengkajian anthropomatrik ; dan saya percaya hasrat ini akan dapat dicapai dalam masa 5 hingga 10 tahun akan datang. Data anthropomatrik yang lengkap nanti akan menggabungkan data-data setiap bangsa dan keturunan di Malaysia, insyaAllah.

Semoga Bidang Rekabentuk Industri akan muncul sebagai suatu

## P E N G H A R G A A N

Penasihat Tesis

Tuan Haji Azali Md. Rahim  
Ketua Kursus  
Jabatan Rekabentuk Industri  
Kajian Senilukis & Senireka  
Institut Teknologi MARA

Encik Ramli Bakar  
Dr. Mohd. Yatim Othman

Muzium Negara  
Kuala Lumpur

Encik Baharam Azit

Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Melaka

Encik Khamis

Muzium Budaya Melaka  
Melaka

Dato' Lebai Aman

Dato' Penghulu Khaidzir bin Jantan  
Sidang Mohamad bin Abd. Raoh  
Encik Mohd. Sayuti bin Tuanku Sumanik

Kampung Balik Bukit  
Tanjung Keling  
Melaka

Encik Rosalan Jalil

Kampung Duyung  
Melaka

Encik Imran Abdullah

Jabatan Rekabentuk Industri  
KSSR ; Institut Teknologi MARA

Kepada semua yang telibat; terima kasih di atas segalanya.

## S I N O P S I S

Matlamat tesis ini adalah untuk mendapatkan data-data anthropomatrik orang Melayu di Tanah Melayu pada zaman kegemilangan Melayu Melaka; iaitu dalam lingkungan tahun 1400 - 1500 M.

Objektif kajian ini di jalankan di antara lain adalah untuk menjadikannya sebagai satu titik permulaan pengkajian anthropomatrik orang Melayu dan titik pengakhirannya ialah bilamana Malaysia mempunyai data anthropomatrik yang lengkap sesuai di-applikasikan pada setiap ahli masyarakat tanpa mengira bangsa, ugama dan keturunan.

Kajian ini juga di jalankan bertujuan untuk menyediakan satu sumber rujukan yang asas dalam membincarakan anthropomatrik dan kadarbanding orang Melayu pada abad ke 15. Kajian ini juga nanti boleh di jadikan satu perbandingan bagi data anthropomatrik bagi bangsa yang sama ataupun lain; pada masa yang sama atau pun sebelum dan selepasnya. Namun, apa yang penting; kajian ini menyediakan metod dan huraianya yang lengkap dalam usaha untuk mendapatkan data anthropomatrik yang tepat, dan dengan sendirinya ia berfungsi sebagai manual pengkajian anthropomatrik.

Selain dari itu, kajian ini juga berfungsi memenuhi kehendak elemen-elemen matlamat kajian yang mempersoalkan tentang artifak dan peninggalan sejarah yang menimbulkan berbagai pertanyaan tentang saiz orang dahulukala dan juga sifat-sifatnya yang digambarkan begitu agung dan handal.

Kajian ini bercorak analitikal dan sejarah di mana pengutipan data dan pengkajian penulisan sejarah di jalankan serentak. Sebagai tambahan, temubual sejarah lisan (oral history) turut di adakan yang sekaligus memberikan panduan dan idea dari ahli sejarah dan anthropologis. Ketiga-tiga metod penyelidikan ini di gabung dan di analisiskan data-data darinya dan di bentuk maklumat-maklumat bagi mendapatkan gambarajah anthropomatrik.